

26/10/2003

6,000 ahli PPP dengar amanat Dr M hari ini

KUALA LUMPUR: Kira-kira 6,000 perwakilan dan pemerhati Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) akan menghadiri perhimpunan agung ke-50 parti itu, yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, pagi ini.

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN). Timbalan Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijangka turut hadir ke majlis itu.

Presiden PPP, Datuk M Kayveas, berkata seramai 3,600 perwakilan parti itu dari seluruh negara akan menghadiri perhimpunan itu, seterusnya mendengar amanat terakhir Dr Mahathir kepada komponen BN, sebelum persaraannya.

Bercakap selepas mengadakan pertemuan dengan ahli majlis tertinggi parti

itu di sini, malam tadi, beliau berkata, antara usul yang akan dibentangkan pada persidangan itu termasuklah ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Dr Mahathir yang akan bersara dalam tempoh terdekat ini serta usul ucapan tahniah kepada Abdullah.

"Perwakilan PPP juga akan berbahas usul isu pendidikan, sosial dan ekonomi termasuk isu samseng sekolah, skim kesihatan, kegiatan ceti haram

serta isu penduduk tetap. Kami juga mahu menyampaikan penghargaan kepada Dr Mahathir dan Abdullah terhadap kepemimpinan mereka.

"Saya menjangkakan kira-kira 6,000 termasuk 3,600 perwakilan akan hadir

pada perhimpunan ini. Masing-masing pasti tidak mahu melepaskan peluang bertemu dengan Dr Mahathir yang akan bersara," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi PPP, malam tadi.

Sementara itu, petugas Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) juga kelihatan sedang membuat persiapan terakhir di Dewan Merdeka PWTC untuk menyiarkan ucapan Perdana Menteri di perhimpunan itu secara langsung ke seluruh negara.